

SULIT

EKMLTK – D02/2017



*Jawatankuasa Kerja Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (EKMLTK)
Kementerian Pendidikan Malaysia*

DEFINISI VARIABEL EKMLTK

DIKEMASKINI PADA 11 JANUARI 2017

PERINGATAN

**MANUAL DEFINISI VARIABEL EKMLTK INI
HENDAKLAH DIBACA BERSAMA-SAMA
MANUAL PENGGUNA EKMLTK**

*Sila baca definisi variabel ini dengan teliti
sebelum membuat pengisian data ke dalam
Modul Pengurusan Sekolah (MPS): Menu
Sekolah dan Menu EKMLTK.*

DEFINISI SEKOLAH PEDALAMAN

(Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2016)

Sekolah Pedalaman bermaksud sekolah yang terletak di kawasan luar bandar, terpencil dan mempunyai kesukaran aksesibiliti yang melibatkan pelbagai mod perjalanan, kos yang tinggi, masa yang panjang serta mempunyai kemudahan asas yang minimum atau tiada langsung. Sekolah ini juga meliputi sekolah di kawasan persisiran pantai, pulau, sungai dan pergunungan. Penentuan kategori sekolah pedalaman adalah berasaskan kepada tahap kesukaran yang dinilai mengikut aspek-aspek aksesibiliti, kemudahan asas dan kemudahan awam. Sekolah pedalaman dibahagikan kepada tiga (3) kategori Pedalaman 1 (P1), Pedalaman 2 (P2) dan Pedalaman 3 (P3).

SULIT

KLASIFIKASI KATEGORI PEDALAMAN SEKOLAH EKMLTK

Bil	Kriteria	Ciri-Ciri Pedalaman		
		P1	P2	P3
1	Bilangan Mod Pengangkutan (termasuk kos)	1 mod pengangkutan sahaja dan kos perjalanannya rendah (biasanya di bawah RM50 serta jarak dari bandar terdekat kurang daripada 70km).	2 mod pengangkutan, boleh juga 1 mod tetapi kos perjalanan sehala adalah mahal (lebih daripada RM100). Jarak dari bandar terdekat juga boleh menentukan faktor ini (lebih daripada 70km tetapi kurang 100km).	3 atau lebih mod pengangkutan sahaja dan kos perjalanan tinggi (melebihi RM150). Boleh juga 1 atau 2 mod tetapi kos perjalanan adalah luarbiasa tinggi. Jarak dari bandar terdekat adalah lebih daripada 100km tetapi mungkin kurang jika menggunakan jalan balak atau denai.
2	Risiko Perjalanan	1 atau 2 risiko perjalanan. Contoh risiko: tanah curam/runtuh/licin.	2 risiko perjalanan. Contoh risiko: banjir, jeram.	Lebih dari 3 risiko. Contoh risiko: ombak besar, binatang buas, lanun.
3	Bekalan Elektrik	Bekalan 24 jam atau 12 jam (awam/swasta).	Bekalan 12 jam (awam/swasta) atau janakuasa.	Janakuasa atau kuasa solar atau tiada langsung bekalan.
4	Bekalan Air	Bekalan air awam atau pancur graviti atau perigi tiub.	Pancur graviti atau perigi tiub atau air sungai.	Air sungai atau air hujan.
5	Kediaman (Kuarters)	Kuarters ikut pelan atau substandard.	Kuarters gotong royong atau substandard.	Kuarters ubahsuai atau tiada Kuarters.
6	Sanitasi	Tandas moden atau tandas curah.	Tandas curah.	Tandas lubang/tepi sungai.
7	Telekomunikasi	Telefon tetap atau telefon selular atau radio amatur atau internet.	Telefon satelit atau sistem ATUR (<i>Automatic Telephone Using Radio</i>).	Sistem ATUR (<i>Automatic Telephone Using Radio</i>) atau tiada kemudahan perhubungan.
8	Perkhidmatan Kesihatan	Klinik Desa atau Klinik Bergerak/ <i>Flying Doctor</i>	Klinik Desa atau Klinik Bergerak/ <i>Flying Doctor</i>	Tiada Perkhidmatan Kesihatan
9	Kemudahan Lain	Ada salah satu kemudahan seperti bank/pejabat pos/tempat ibadat.	Ada salah satu kemudahan seperti bank/pejabat pos/tempat ibadat.	Tiada langsung kemudahan awam.

DEFINISI VARIABEL EKMLTK

MAKLUMAT ASAS SEKOLAH

BIL	VARIABEL	KETERANGAN
1	Kod Sekolah	Kod Sekolah adalah pengenalan (ID) sesebuah sekolah yang telah diberikan semasa sekolah mula didaftar/dibuka.
2	Nama Sekolah	Nama Sekolah adalah seperti nama yang diberi/didaftarkan semasa sekolah memohon kod sekolah.
3	Jenis Permohonan	<p>Jenis permohonan untuk mendapatkan Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan.</p> <p>Terdapat 3 jenis permohonan iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Baharu <ol style="list-style-type: none"> 1.1 Permohonan daripada sekolah baharu ditubuhkan atau sekolah yang tidak pernah memohon elaun EKMLTK sebelum ini. 1.2 Permohonan daripada sekolah yang pernah memohon tetapi tidak berjaya. 1.3 Sekolah yang pernah mendapat elaun EKMLTK tetapi telah terkeluar daripada senarai penerima selepas dijalankan semakan semula kategori pedalaman sekolah. 2. Rayuan <ol style="list-style-type: none"> 2.1 Permohonan daripada sekolah yang sedang menerima elaun EKMLTK untuk disemak semula kategori pedalaman selepas keputusan penentuan kategori pedalaman sekolah dibuat oleh Jabatan Pendidikan Negeri. 3. Semakan <p>Urusan semakan semula yang dijalankan setiap dua tahun sekali ATAU semakan berkala atau kes-kes tertentu yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri di mana melibatkan semua sekolah yang menerima elaun EKMLTK dan permohonan baharu.</p>
4	Bandar/Pekan Terdekat Terdekat	<p>Bandar atau Pekan yang terdekat dengan sekolah yang merujuk kepada bandar atau pekan yang mempunyai ciri-ciri berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kemudahan kedai yang menjual barangan keperluan asas harian sekurang-kurangnya kedai runcit;

SULIT

BIL	VARIABEL	KETERANGAN
		<p>2. Kemudahan kedai yang menjual pakaian atau kain;</p> <p>3. Kemudahan telekomunikasi sekurang-kurangnya telefon atau kafe internet atau kedai menjual kad telefon prabayar;</p> <p>4. Kemudahan bekalan bahan api (gas/petrol/diesel) di mana tidak semestinya stesen minyak; dan</p> <p>5. Kemudahan Pejabat Pos atau Pos Mini untuk perkhidmatan pos, atau/dan kemudahan Bank atau Ejen Bank (EB) untuk perkhidmatan perbankan.</p> <p>Sekiranya Bandar/Pekan terdekat yang paling hampir dengan sekolah tidak mempunyai kemudahan-kemudahan seperti di atas, Bandar/Pekan terdekat berikutnya akan menjadi Bandar/Pekan terdekat rujukan.</p> <p>Bandar/Pekan terdekat juga <u>tidak semestinya</u> berada di dalam daerah, bahagian atau negeri yang sama dengan lokasi sekolah. Ini adalah bagi sekolah yang lokasinya berdekatan dengan sempadan daerah/ bahagian/negeri lain.</p>
5	Jarak Dari Bandar/Pekan Terdekat (km)	<p>Ukuran jarak perjalanan SEHALA dari Sekolah ke Bandar/Pekan terdekat dalam unit kilometer (km).</p> <p>Jarak perjalanan sehala ini diukur mengikut JALAN YANG LAZIM digunakan oleh penduduk setempat yang digunakan sepanjang tahun.</p> <p>Jalan alternatif (berkemungkinan lebih jauh ATAU lebih dekat) yang digunakan pada waktu tertentu adalah TIDAK dikira dalam penghitungan jarak sehala dari sekolah ke Bandar/Pekan terdekat.</p> <p><u>Bagi laluan laut (sekiranya perlu):</u></p> <p>Ukuran rujukan ialah International Nautical Miles iaitu:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center; margin: 10px auto; width: fit-content;"> <p>1 international nautical mile = 1.852km</p> </div> <p>Nota: Titik rujukan (<i>point of reference</i>) untuk jarak terdekat dari sekolah ke Bandar/Pekan terdekat adalah dirujuk kepada lokasi pejabat pos utama sama ada Pejabat Pos Besar, Pejabat Pos atau Pos Mini di sesebuah bandar/pekan.</p>

SULIT

BIL	VARIABEL	KETERANGAN
6	Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)	Pejabat pentadbiran pendidikan di peringkat daerah. Sesebuah sekolah di sesuatu daerah hendaklah merujuk kepada PPD di mana sekolah itu diletakkan di bawah pentadbiran pendidikan.
7	Jenis Pedalaman	<p>Maksud Pedalaman bagi tujuan pemberian Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (EKMLTK) adalah berdasarkan kepada:</p> <p style="text-align: center;">DEFINISI SEKOLAH PEDALAMAN</p> <p>(Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2016)</p> <p>Sekolah Pedalaman bermaksud sekolah yang terletak di kawasan luar bandar, terpencil dan mempunyai kesukaran aksesibiliti yang melibatkan pelbagai mod perjalanan, kos yang tinggi, masa yang panjang serta mempunyai kemudahan asas yang minimum atau tiada langsung. Sekolah ini juga meliputi sekolah di kawasan persisiran pantai, pulau, sungai dan pergunungan. Penentuan kategori sekolah pedalaman adalah berasaskan kepada tahap kesukaran yang dinilai mengikut aspek-aspek aksesibiliti, kemudahan asas dan kemudahan awam. Sekolah pedalaman dibahagikan kepada tiga (3) kategori Pedalaman 1 (P1), Pedalaman 2 (P2) dan Pedalaman 3 (P3).</p> <p>Lokasi sekolah diklasifikasikan seperti berikut:</p> <p><u>PEDALAMAN DARAT</u> Sekolah yang menggunakan kaedah pengangkutan darat sepenuhnya atau sebahagian besar berbanding mod perjalanan lain (sungai/laut/udara) untuk membuat perjalanan ke Bandar/Pekan terdekat.</p> <p><u>PEDALAMAN SUNGAI</u> Sekolah yang menggunakan kaedah pengangkutan sungai/air sepenuhnya atau sebahagian besar dan merupakan kaedah utama untuk membuat perjalanan ke Bandar/Pekan terdekat.</p> <p><u>PEDALAMAN LAUT</u> Sekolah yang menggunakan kaedah pengangkutan laut/air sepenuhnya untuk membuat perjalanan ke Bandar/Pekan terdekat.</p> <p>Sekolah dalam kategori Pedalaman Laut hanya melibatkan sekolah yang berada di lokasi <u>pulau atau kawasan persisiran pantai yang tidak mempunyai laluan darat (jalanraya) yang dihubungkan ke Bandar/Pekan terdekat dengan sekolah.</u></p>

SULIT

BIL	VARIABEL	KETERANGAN
8	Daerah Pentadbiran	<p>Sesuatu kawasan atau daerah pentadbiran kerajaan di negeri yang ditadbir oleh seorang Pegawai Daerah. Dikenali sebagai Pejabat Daerah yang diwujudkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh Kerajaan Negeri sebagai “<i>decentralised units of adminstration</i>” dan proses ini disebut sebagai “<i>deconcentration</i>”. Pejabat Daerah berperanan melaksanakan pentadbiran daerah/am, pentadbiran tanah dan pembangunan sesuatu daerah.</p> <p>Daerah Pentadbiran seperti yang ditetapkan oleh Unit Pembangunan JPN.</p>
9	Penerima BIP SUK (10%)	<p>Sekolah yang menerima elaun Bantuan Insentif Pedalaman (BIP) sebanyak 10% yang diberikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK). Sekolah ini diiktiraf oleh SUK sebagai sekolah yang berada di dalam kawasan luar bandar yang digazetkan.</p> <p>Perakuan sekolah untuk elaun BIP ini adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.</p>
10	Sekolah Rendah Terdekat	<p>Nama sekolah rendah terdekat dengan sekolah di dalam negeri dan daerah (PPD) yang sama dengan sekolah tersebut.</p> <p>Maklumat ini berdasarkan kepada data dan maklumat di dalam Modul Pengurusan Sekolah SPS.</p>
11	Jarak (km)	<p>Jarak sekolah dengan sekolah rendah terdekat dalam kilometer.</p> <p>Maklumat ini adalah berdasarkan kepada data dan maklumat di dalam Modul Pengurusan Sekolah SPS.</p>
12	Kategori Pedalaman	<p>Kategori Pedalaman EKMLTK sekiranya sekolah rendah terdekat menerima elaun EKMLTK.</p> <p>Maklumat ini adalah maklumat kawalan dan akan diisi secara automatik berdasarkan Senarai Kawalan Sekolah EKMLTK.</p>
13	Sekolah Menengah Terdekat	<p>Nama sekolah menengah terdekat dengan sekolah di dalam negeri dan daerah (PPD) yang sama dengan sekolah tersebut.</p> <p>Maklumat ini adalah berdasarkan kepada data dan maklumat di dalam Modul Pengurusan Sekolah SPS.</p>
14	Jarak (km)	<p>Jarak sekolah dengan sekolah menengah terdekat dalam kilometer.</p> <p>Maklumat ini adalah berdasarkan kepada data dan maklumat di dalam Modul Pengurusan Sekolah SPS.</p>



SULIT

BIL	VARIABEL	KETERANGAN
15	Kategori Pedalaman	<p>Kategori Pedalaman EKMLTK sekiranya sekolah menengah terdekat menerima elaun EKMLTK.</p> <p>Maklumat ini adalah maklumat kawalan dan akan diisi secara automatik berdasarkan Senarai Kawalan Sekolah EKMLTK.</p>

MAKLUMAT PERJALANAN

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN
1	Perjalanan	<p>Perjalanan SEHALA dari sekolah ke Bandar/Pekan terdekat melalui jalan yang LAZIM digunakan oleh penduduk setempat sepanjang tahun.</p> <p>Perjalanan yang dikira adalah perjalanan yang dibuat menggunakan jalan/laluan dan jenis pengangkutan yang LAZIM digunakan oleh penduduk setempat yang sebahagian besar/sering/kebiasaan (bukan jalan alternatif yang hanya digunakan pada masa tertentu atau pada keadaan/peristiwa tertentu sahaja) digunakan sepanjang tahun ke Bandar/Pekan yang terdekat dengan sekolah.</p>
2	Mod/Mod Perjalanan	<p>Jenis Laluan yang digunakan untuk membuat perjalanan dari sekolah ke Bandar/Pekan terdekat dan sebaliknya.</p> <p>Mod Perjalanan melibatkan jenis jalan, jenis pengangkutan atau kenderaan yang digunakan, jarak jalan (km) yang dilalui, masa perjalanan (minit) yang diambil dan kos atau tambang (RM) pengangkutan awam (satu tempat duduk) yang dibayar bagi membuat perjalanan SEHALA ke Bandar/Pekan terdekat dari sekolah.</p> <p>Perjalanan SEHALA dari sekolah ke Bandar/Pekan terdekat berkemungkinan melalui beberapa jenis jalan atau laluan yang berbeza dan menggunakan beberapa jenis pengangkutan atau kenderaan yang berbeza, masa dan kos pengangkutan yang berbeza (bergantung kepada jenis kenderaan) untuk sampai ke Bandar/Pekan terdekat tersebut.</p> <p>Untuk sesuatu perjalanan SEHALA dari sekolah ke Bandar/Pekan terdekat berkemungkinan menggunakan beberapa jalan/laluan atau beberapa jenis pengangkutan seperti senario berikut:</p> <p>Senario 1: Hanya SATU mod Perjalanan yang terlibat dari Bandar/Pekan terdekat ke Sekolah. Laporkan MOD 1.</p> <p>Contohnya: Satu jenis jalan sahaja iaitu <i>Jalan Berturap (Jalan raya)</i> – MOD 1.</p> <div style="text-align: center;"> <p>The diagram shows a horizontal line representing a road. At the left end is a solid black circle labeled 'Bandar/Pekan Terdekat'. At the right end is a solid black circle labeled 'Sekolah'. A dashed line connects the two circles. Below this dashed line is a solid black bar with the text 'MOD 1' written in white in the center.</p> </div> <p><i>Jenis jalan, jenis pengangkutan, jarak, masa & kos</i></p>

SULIT

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN
		<p>Senario 2: Terdapat DUA mod Perjalanan yang terlibat dari Bandar/Pekan terdekat ke Sekolah. Laporkan MOD 1 & MOD 2.</p> <p>Contohnya: Dua jenis jalan terlibat iaitu <i>Jalan Balak (MOD 1)</i> dan diikuti <i>Jalan Gravel Kasar (MOD 2)</i>.</p>  <p style="text-align: center;">Bandar/Pekan Terdekat Sekolah</p> <p style="text-align: center;">● ——— ● ——— ●</p> <p style="text-align: center;">MOD 1 MOD 2</p> <p style="text-align: center;"><i>Jenis jalan, jenis pengangkutan, jarak, masa & kos</i></p> <p>Senario 3: Terdapat TIGA mod Perjalanan yang terlibat dari Bandar/Pekan terdekat ke Sekolah. Laporkan MOD 1, MOD 2 & MOD 3.</p> <p>Contohnya: Tiga jenis jalan terlibat iaitu <i>Jalan Berturap (MOD 1)</i> diikuti <i>Laluan Sungai (MOD 2)</i> dan <i>Jalan Ladang/Tanah Merah (MOD 3)</i>.</p>  <p style="text-align: center;">Bandar/Pekan Terdekat Sekolah</p> <p style="text-align: center;">● ——— ● ——— ● ——— ●</p> <p style="text-align: center;">MOD 1 MOD 2 MOD 3</p> <p style="text-align: center;"><i>Jenis jalan, jenis pengangkutan, jarak, masa & kos</i></p> <p>Maksima bilangan mod perjalanan yang boleh dilaporkan di dalam Aplikasi EKMLTK adalah 6 mod perjalanan sahaja.</p> <p>NOTA: SEKIRANYA sesuatu perjalanan sehala ke Bandar/Pekan terdekat melibatkan lebih dari satu jenis jalan (lebih daripada satu mod) tetapi menggunakan HANYA satu jenis pengangkutan (jenis kenderaan), sila nyatakan jenis kenderaan hanya pada MOD 1 manakala pada lain-lain mod pilih TIDAK BERKENAAN pada pilihan pengangkutan. Begitu juga dengan kos, hanya dilaporkan pada MOD 1 sahaja dan lain-lain mod diisi sebagai RM0.00. Masa dan Jarak perlu dinyatakan untuk semua jenis mod.</p>
3	Jenis Jalan	Jenis Jalan/Laluan yang digunakan sepanjang perjalanan dari sekolah ke Bandar/Pekan terdekat.

SULIT

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN
4	Jenis Pengangkutan	Jenis kenderaan yang digunakan untuk ke Bandar/Pekan terdekat.
5	Jarak Perjalanan Sehala (km)	<p>Jarak SEHALA dari Bandar/Pekan terdekat ke sekolah dan dinyatakan dalam unit kilometer (km).</p> <p><u>Bagi laluan laut (sekiranya perlu):</u></p> <p>Ukuran rujukan ialah International Nautical Miles iaitu:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;"> <p>1 international nautical mile = 1.852km</p> </div> <p>Jika perjalanan dari Bandar/Pekan terdekat ke sekolah melibatkan beberapa jenis jalan (mod), setiap jenis jalan hendaklah dilaporkan jarak yang dilalui dan JUMLAH JARAK bagi kesemua jenis jalan (mod) MESTI sama dengan jarak sehala sekolah ke Bandar/Pekan terdekat terdekat.</p>
6	Masa Perjalanan Sehala (minit)	Tempoh masa perjalanan dinyatakan dalam MINIT mengikut setiap jenis mod jalan terlibat bagi perjalanan SEHALA dari Bandar/Pekan terdekat ke sekolah.
7	Kos Perjalanan Sehala (RM)	<p>Perbelanjaan (KOS MINYAK KENDERAAN SAHAJA DIAMBIL KIRA) dalam Ringgit Malaysia (RM) untuk kenderaan sendiri yang digunakan bagi setiap mod jalan (jika berkaitan) untuk ke Bandar/Pekan terdekat dari sekolah.</p> <p>Pengiraan KOS MINYAK bagi kenderaan sendiri (anggaran):</p> <div style="background-color: #e0e0e0; padding: 5px;"> <p>1 liter petrol/diesel = Harga Semasa 1 liter bahan api</p> </div> <div style="background-color: #e0e0e0; padding: 5px;"> <p>Jarak minima bagi 1 liter petrol/diesel = 17 km* (semua jenis kenderaan kecuali motosikal)</p> </div> <div style="background-color: #e0e0e0; padding: 5px;"> <p>Kos bagi jarak 1 km perjalanan = (1 liter bahan api/17 km*) x Harga Semasa 1 liter bahan api</p> </div> <p>*Sumber: Proton Ertiga 1.4 Auto = 6.0 liter/100 km http://paultan.org/2016/11/19/driven-proton-ertiga-mpv-first-drive-impressions-review/</p> <p>Pengisian kos perjalanan sehala dibundarkan pada ringgit terdekat tanpa nilai sen.</p>

SULIT

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN
		<p>Bagi kenderaan atau pengangkutan awam seperti kereta sewa/sapu/taksi (termasuk Perkhidmatan UBER atau GRAB atau lain-lain perkhidmatan perkongsian kenderaan) kenderaan pacuan 4X4, atau bot ekspres/sampan/bot panjang/bot penambang/tongkang/bas/bas ekspres/keretapi/LRT/MRT/ERL/kapal terbang atau lain-lain jenis pengangkutan awam, perbelanjaan atau tambang sehala adalah dikira untuk SATU TEMPAT DUDUK (seperti peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa) bagi perjalanan pada waktu/hari biasa (pada waktu luar jangka/kecemasan yang melibatkan penyewaan sebuah kenderaan adalah tidak diambil kira) bagi setiap mod jika berkaitan.</p> <p>NOTA: SEKIRANYA sesuatu perjalanan sehala ke Bandar/Pekan terdekat melibatkan lebih dari satu jenis jalan tetapi menggunakan HANYA satu jenis pengangkutan (jenis kenderaan), sila nyatakan jenis kenderaan hanya pada MOD 1 manakala pada lain-lain mod pilih TIDAK BERKENAAN pada pilihan pengangkutan. Begitu juga dengan kos, hanya dilaporkan pada MOD 1 sahaja dan lain-lain mod diisi sebagai RM0.00. Masa dan Jarak perlu dinyatakan untuk semua jenis mod.</p>

MAKLUMAT RISIKO PERJALANAN

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN
1	Risiko Perjalanan	<p>Ancaman keselamatan yang dihadapi atau kesukaran yang ditempuhi sepanjang perjalanan SEHALA dari Bandar/Pekan terdekat ke sekolah. Ancaman keselamatan ini berlaku sepanjang tahun dan BUKAN hanya terhad pada musim tertentu seperti musim tengkujuh atau keadaan tertentu sahaja.</p> <p>Tanah Curam/Runtuh/Licin: Keadaan permukaan jalan, laluan atau lokasi yang dilalui sepanjang perjalanan ke Bandar/Pekan terdekat mengalami ancaman atau berisiko berlakunya tanah runtuh atau permukaan tanah yang curam atau licin dalam apa-apa keadaan cuaca termasuklah susulan kepada kejadian bencana alam seperti gerak gempa (gempa bumi).</p> <p>Banjir: Keadaan di mana air menenggelami atau menggenangi sesuatu kawasan akibat hujan/musim tengkujuh dalam sesuatu tempoh masa.</p> <p>Binatang Buas: Haiwan atau binatang buas seperti gajah liar, babi hutan, harimau, buaya, jerung atau lain-lain binatang buas/liar yang membahaya yang membawa ancaman keselamatan/serangan sepanjang laluan perjalanan dari Bandar/Pekan terdekat ke sekolah.</p> <p>Ombak Besar [hanya untuk laluan laut sahaja]: Keadaan laut yang bergelora dan membahaya terutama ketika cuaca buruk atau musim tengkujuh bagi laluan laut.</p> <p>Jeram/Benak [hanya untuk laluan sungai sahaja]: Keadaan laluan sungai dengan aliran atau arus yang sangat deras dengan halangan batu-batu besar/tajam atau gelombang arus sungai yang deras semasa berlakunya benak (<i>tidal bore</i>) iaitu keadaan di mana terjadinya air pasang besar limpahan air laut berombak yang memasuki sungai terutama di sungai-sungai di negeri Sarawak seperti Sungai Batang Lupar di Bahagian Sri Aman.</p> <p>Lanun/Pengganas: Ancaman keselamatan disebabkan oleh aktiviti lanun sama ada melakukan rompakan atau rampasan dengan kekerasan bersenjata dan kekejaman sama ada di laluan darat, sungai atau laut (sama ada laut dalam atau persisiran pantai). Ancaman lanun/pengganas ini juga boleh berlaku di daratan terutama di Kawasan Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZONE).</p>

SULIT

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN		
		<table border="1"><thead><tr><th data-bbox="580 360 1489 409">PENGECUALIAN</th></tr></thead><tbody><tr><td data-bbox="580 409 1489 636"><p>ZON KESELAMATAN PANTAI TIMUR SABAH (ESSZONE) Alasan ancaman keselamatan bagi kawasan di bawah pentadbiran ESCOM tidak lagi diambil kira sebagai salah satu alasan dalam Risiko Perjalanan kerana kawasan ini adalah dilindungi oleh pasukan keselamatan ESCOM.</p></td></tr></tbody></table>	PENGECUALIAN	<p>ZON KESELAMATAN PANTAI TIMUR SABAH (ESSZONE) Alasan ancaman keselamatan bagi kawasan di bawah pentadbiran ESCOM tidak lagi diambil kira sebagai salah satu alasan dalam Risiko Perjalanan kerana kawasan ini adalah dilindungi oleh pasukan keselamatan ESCOM.</p>
PENGECUALIAN				
<p>ZON KESELAMATAN PANTAI TIMUR SABAH (ESSZONE) Alasan ancaman keselamatan bagi kawasan di bawah pentadbiran ESCOM tidak lagi diambil kira sebagai salah satu alasan dalam Risiko Perjalanan kerana kawasan ini adalah dilindungi oleh pasukan keselamatan ESCOM.</p>				

SULIT

MAKLUMAT KEMUDAHAN ASAS & PERKHIDMATAN KESIHATAN

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN
1	Kemudahan Asas	<p>Kemudahan asas yang tersedia di sekolah atau yang terdapat di kawasan sekitar yang berdekatan dengan sekolah/tempat tinggal/petempatan/perkampungan penduduk tempatan.</p> <p>Kemudahan-kemudahan yang dimaksudkan adalah meliputi bekalan elektrik, bekalan air bersih, telekomunikasi dan perkhidmatan kesihatan.</p>
2	Sumber Bekalan Elektrik	<p>Sumber bekalan tenaga elektrik yang dibekal atau disambungkan ke sekolah sama ada melalui grid bekalan elektrik kebangsaan atau penjanaan melalui janakuasa atau panel solar atau bateri atau hibrid atau lain-lain kaedah janaan kuasa elektrik. Sumber bekalan elektrik ini sama ada dibekalkan secara berterusan 24 jam atau 12 jam.</p>
3	Status Bekalan Elektrik	<p>Keadaan bekalan elektrik yang disambungkan ke sekolah sama ada ia berfungsi dengan baik atau sebaliknya.</p> <p>Jika sekiranya bekalan elektrik terputus SEKALI-SEKALA dalam suatu tempoh (minggu atau bulan), status/keadaan bekalan elektrik adalah dianggap berfungsi dengan baik.</p> <p>Sekiranya bekalan elektrik SENTIASA ATAU KERAP terputus dalam sehari atau seminggu atau sebulan disebabkan oleh masalah pendawaian atau ketidakstabilan peralatan janakuasa atau <i>generator</i> atau panel solar atau terputus bekalan bahan api atau lain-lain sebab, status/keadaan bekalan elektrik dianggap berfungsi tetapi bekalan sentiasa terputus-putus.</p>
4	Sumber Bekalan Air	<p>Jenis bekalan air yang diterima atau dibekalkan ke sekolah sama ada melalui bekalan air awam atau lain-lain sumber/punca bekalan air.</p> <p>Jenis-jenis sumber bekalan air adalah:</p> <p>Tiada Bekalan Air – tidak mempunyai sebarang sumber bekalan air sama ada air bersih atau air bersih terawat atau lain-lain sumber bekalan air.</p> <p>Bekalan Air Awam – Bekalan air bersih terawat yang dibekalkan sama ada oleh Jabatan Bekalan Air atau pihak berkuasa bekalan air negeri melalui saluran paip.</p> <p>Perigi Berpam Elektrik – bekalan air bersih dari perigi menggunakan pam elektrik.</p>

SULIT

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN
		<p>Perigi Berpam Manual – bekalan air bersih dari perigi menggunakan pam manual.</p> <p>Perigi Tanpa Pam – bekalan air bersih dari perigi tanpa penggunaan pam.</p> <p>Sungai/Taliair Berpam Elektrik – bekalan air bersih dari sungai atau taliair yang dipamkan menggunakan pam elektrik.</p> <p>Sungai/Taliair Berpam Manual – bekalan air bersih dari sungai atau taliair yang dipamkan menggunakan pam manual.</p> <p>Sungai/Taliair Tanpa Pam – bekalan air bersih dari sungai atau taliair yang diperolehi secara kaedah manual tanpa bantuan pam.</p> <p>Tangki/Takungan Air Hujan/Rain Harvester – bekalan air bersih yang ditakung atau disimpan di dalam tangki simpanan daripada sumber air hujan atau dari lain-lain sumber.</p> <p>Pancur Graviti – Bekalan air bersih yang disalur melalui paip dari sumber tadahan air sungai (empangan kecil) atau kawasan tadahan hujan menggunakan sistem atau kaedah pancur graviti (bantuan tekanan graviti).</p> <p>Tangki Air – bekalan air bersih yang disimpan di dalam tangki air (persendirian) di mana air yang diperolehi sama ada melalui penghantaran air menggunakan lori tangki oleh syarikat bekalan air atau bekalan air yang dibeli atau bekalan air melalui lain-lain sumber.</p> <p>Perigi Tiub – Bekalan air bersih dari sumber perigi menggunakan kaedah tiub.</p> <p>Air Hujan – sumber air dari tadahan hujan.</p>
5	Jenis Telekomunikasi	Peralatan telekomunikasi/perhubungan yang digunakan oleh sekolah sama ada melalui telefon (talian tetap, selular/bimbit, satelit atau ATUR), atau radio amatur atau Internet (seperti e-mel, panggilan suara melalui aplikasi (apps) seperti Skype, WhatsApp, Telegram, Viber, FireChat dan lain-lain aplikasi atau lain-lain media sosial atau aplikasi yang mempunyai kemudahan membuat panggilan suara).
6	Perkhidmatan Kesihatan Terdekat (Jika ada)	Kemudahan perkhidmatan kesihatan terdekat dengan sekolah atau tempat tinggal atau petempatan atau perkampungan penduduk tempatan seperti Klinik Desa atau Klinik Bergerak atau Perkhidmatan Doktor Udara (<i>Flying Doctor</i>) atau lain-lain perkhidmatan kesihatan kerajaan/swasta atau pejabat kesihatan yang berhampiran yang

SULIT

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN
		menyediakan kemudahan/perkhidmatan kesihatan asas atau lain-lain kemudahan kesihatan.
7	Nama Perkhidmatan Kesihatan Terdekat	Nama perkhidmatan kesihatan terdekat yang meliputi sama ada klinik (kerajaan atau swasta)/hospital atau pejabat kesihatan atau lain-lain perkhidmatan kesihatan yang berdekatan dengan sekolah.
8	Jarak Perkhidmatan Kesihatan Terdekat (km)	Jarak perkhidmatan kesihatan terdekat dengan sekolah dalam unit kilometer (km).

SULIT

MAKLUMAT FASILITI KESELAMATAN

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN
1	Fasiliti Keselamatan Terdekat	Fasiliti keselamatan terdekat dengan sekolah atau yang berhampiran dengan sekolah/tempat tinggal/petempatan/perkampungan penduduk tempatan seperti Balai Polis atau Pondok Polis, Kem/Pos Tentera atau Balai Bomba atau Bomba Sukarela.
2	Balai Polis Terdekat	Namakan Balai Polis Terdekat dengan sekolah dan jarak dalam kilometer (km).
3	Pondok Polis Terdekat	Namakan Pondok Polis Terdekat dengan sekolah dan jarak dalam kilometer (km).
4	Kem/Pos Tentera Terdekat	Namakan Kem/Pos Tentera terdekat dengan sekolah dan jarak dalam kilometer (km).
5	Balai Bomba	Namakan Balai Bomba terdekat dengan sekolah dan jarak dalam kilometer (km).
6	Bomba Sukarela	<p>Bomba Sukarela adalah satu pasukan yang ditubuh oleh penduduk setempat yang menjalankan tugas bomba dan penyelamat secara sukarela. Bomba Sukarela mendapat latihan asas dalam tugas-tugas pemadaman kebakaran dan penyelamatan.</p> <p>Namakan fasiliti Bomba Sukarela Terdekat dengan sekolah dan jarak dalam kilometer (km).</p>

SULIT

MAKLUMAT KEMUDAHAN KEDIAMAN (KUARTERS)

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN
1	Kediaman	<p>Sesuatu struktur binaan bagi maksud kediaman seperti rumah, kuarters atau bilik/ruang tempat yang dibina sama ada di dalam atau luar kawasan sekolah untuk kegunaan tempat tinggal bagi guru atau staf sekolah.</p> <p>Rumah/Kuarters: Kuarters/Rumah Guru adalah kediaman kerajaan yang dikhaskan untuk guru dan dibina dalam kawasan sekolah serta di bawah pentadbiran sekolah berkenaan.</p> <p>ATAU</p> <p>Kuarters Guru adalah kediaman kerajaan yang dikhaskan untuk guru dan dibina dalam kawasan sekolah serta di bawah pentadbiran sekolah berkenaan. Termasuk rumah guru yang dibina oleh agensi lain (contoh FELDA/FELCRA) yang telah diserahkan kepada KPM secara bertulis.</p> <p>ATAU</p> <p>Kediaman kerajaan yang mematuhi dan menggunakan reka bentuk piawai rumah kediaman JKR yang diluluskan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos (JSK) (yang sebelum ini dikenali sebagai Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos (JKPK)) bagi Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN).</p>
2	Adakah sekolah mempunyai kuarters?	<p>Kemudahan kuarters guru atau kakitangan sekolah yang terletak di dalam kawasan sekolah dan dibawah pentadbiran sekolah berkenaan.</p> <p><u>Pilihan jawapan: Ada – Kuarters Dalam Sekolah</u> Kemudahan kuarters guru atau kakitangan sekolah yang berada di dalam kawasan sekolah serta di bawah pentadbiran sekolah berkenaan.</p> <p>ATAU</p> <p><u>Pilihan jawapan: Tiada – Kuarters Luar Sekolah (KIP)</u> Kemudahan kuarters guru atau kakitangan sekolah atau kuarters institusi pendidikan (KIP) yang terletak di sekolah lain atau lain-lain institusi pendidikan di mana pentadbiran kuarters tersebut adalah di bawah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) atau institusi berkenaan.</p>

SULIT

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN
		<p>ATAU</p> <p><u>Pilihan jawapan: Tiada – Berkongsi Kuarters Sekolah Berdekatan</u> Kuarters guru atau kakitangan sekolah di bawah pentadbiran sekolah lain yang berdekatan.</p> <p>ATAU</p> <p><u>Pilihan jawapan: Tiada – Menumpang Kuarters Ladang</u> Kuarters milik ladang atau syarikat perladangan.</p> <p>ATAU</p> <p><u>Pilihan jawapan: Tiada – Ubahsuai Bilik Sekolah</u> Bilik-bilik yang diubahsuai (tidak mengikut piawai/pelan rumah kediaman guru yang ditetapkan) untuk dijadikan kuarters guru atau kakitangan sekolah.</p> <p>ATAU</p> <p><u>Pilihan jawapan: Tiada – Terpaksa Berulang</u> Tiada kemudahan kuarters guru atau kakitangan sekolah disediakan. Guru atau kakitangan sekolah tinggal di luar (menyewa) dan berulang-alik ke sekolah.</p>
3	Guru	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.
4	Staf	Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP).
5	Ikut Pelan	Kuarters yang dibina mengikut pelan dan reka bentuk piawai rumah kediaman JKR.
6	Ubahsuai Kekal	<p>Sesuatu struktur binaan (bangunan atau bilik) yang diubahsuai secara kekal untuk dijadikan kuarters atau kediaman guru/staf yang status nya tidak akan diubah kembali kepada status asal dengan mendapat kelulusan Majlis Tempatan dan JKR. Kebiasaannya binaan TIDAK mengikut pelan dan piawai (substandard) rumah kediaman JKR.</p> <p>Kediaman yang dibina oleh pihak sekolah melalui bantuan atau sumbangan secara gotong-royong atau dibina oleh penduduk kampung/komuniti setempat juga dikategori sebagai ubahsuai kekal.</p>
7	Ubahsuai Sementara	Sesuatu struktur binaan (bangunan atau bilik) yang diubahsuai secara sementara untuk dijadikan kuarters atau kediaman guru/staf yang statusnya tidak kekal dan boleh diubah kembali kepada status asalnya.

SULIT

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN
		Ubahsuai sementara ini adalah kebiasaannya TIDAK mengikut pelan dan piawai rumah kediaman JKR (substandard).
8	Baik	Keadaan kuarters yang berada dalam keadaan baik dan selamat dari segi struktur binaan dan tapak. Kuarters juga dianggap berada dalam keadaan baik sekiranya ia hanya mengalami kerosakan kecil yang tidak menjejaskan keselamatan struktur binaan dan selamat untuk didiami yang disahkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.
9	Daif	Keadaan kuarters yang berada dalam keadaan usang dan tidak selamat untuk didiami, mengalami kerosakan teruk/besar sama ada dari segi struktur atau keadaan tapak yang tidak selamat dan telah disahkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

SULIT

MAKLUMAT GURU TAHUN SEMASA

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN
1	Bil. Guru yang bertukar	Bilangan guru yang sedang bertugas di sekolah ini bertukar ke sekolah lain pada tahun semasa.
2	Bil. Guru baharu melapor diri	Bilangan guru baharu yang melapor diri bertugas ke sekolah pada tahun semasa.
3	Guru Tempatan	Guru yang berasal dari daerah di mana lokasi sekolah berada.
4	Guru Bukan Tempatan	Guru yang berasal dari daerah luar atau negeri lain.
5	Jumlah	Jumlah keseluruhan guru tempatan dan guru bukan tempatan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN
1	Muat Naik Dokumen Sokongan (jika ada)	Muat naik dokumen sokongan jika ada. Dokumen sokongan boleh di dalam bentuk laporan, laporan bergambar, gambar, peta atau lain-lain bentuk yang sesuai. Dokumen sokongan ini hendaklah disediakan di dalam format Microsoft Words atau PDF dengan saiz tidak melebihi 3Mb.
2	Maklumat Peperiksaan Awam Untuk 3 tahun Terkini	Maklumat keputusan peperiksaan awam untuk tiga tahun terkini berturut-turut.
3	Maklumat Tambahan (jika ada)	Maklumat tambahan ini adalah maklumat lain selain daripada maklumat yang diisi di dalam Permohonan EKMLTK ini.

MAKLUMAT PENGESAHAN

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN
1	Pengesahan dan Perakuan Guru Besar/Pengetua	<p>Perakuan oleh Guru Besar/Pengetua bagi semua data dan maklumat yang diisi di dalam Permohonan EKMLTK.</p> <p>Semua data dan maklumat MESTI disemak dan diteliti oleh Guru Besar/Pengetua selepas pengisian dan semakan data oleh Guru Data dan Maklumat Sekolah (GDM).</p> <p>Pengesahan Guru Besar/Pengetua hanya <u>AKTIF</u> melalui login Guru Besar/Pengetua (PGB) di dalam Modul Pengurusan Sekolah (MPS).</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px 0;"> <p style="text-align: center; background-color: red; color: white; margin: 0;">PERINGATAN</p> <p>Guru Besar/Pengetua dikehendaki menyemak SEMUA data dan maklumat yang diberikan di dalam Borang EKMLTK ini adalah BETUL dan BENAR sebelum membuat pengesahan. Sebarang penyelewengan data dan maklumat yang diberikan boleh dikenakan tindakan tata tertib dan lain-lain tindakan.</p> </div>
2	Nama Guru Besar/Pengetua	Nama seperti di dalam kad pengenalan baharu.
3	No. KP	Nombor kad pengenalan baharu.
4	Jawatan dan Gred	Jawatan dan gred perkhidmatan. (Contoh: Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG34/DG52)
5	No. Telefon (HP)	Nombor telefon selular (telefon bimbit) yang aktif.
6	E-mel	Alamat e-mel rasmi atau peribadi yang aktif.
7	Butang HANTAR	Untuk menghantar Permohonan EKM LTK ke PPD untuk diproses.

MAKLUMAT PENGESAHAN PEGAWAI PPD

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN
1	Pengesahan dan Perakuan Pegawai Pendidikan Daerah (Pegawai PPD)	<p>Perakuan oleh Pegawai Pendidikan Daerah (Pegawai PPD) keatas kesahihan data dan maklumat yang diberikan di dalam Permohonan EKMLTK oleh semua sekolah dibawah PPD.</p> <p>Semua data dan Maklumat di dalam Modul Pengurusan Sekolah (MPS) dan Modul EKMLTK (Borang Permohonan) MESTI disemak dan diteliti oleh Pegawai PPD dibantu oleh Pegawai ICT PPD.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin: 10px auto; width: fit-content;"> <p style="text-align: center; background-color: red; color: white; margin: 0;">PERINGATAN</p> <p style="text-align: center;">Pegawai Pendidikan Daerah dikehendaki menyemak SEMUA data dan maklumat yang diberikan di dalam Borang EKMLTK ini adalah BETUL dan BENAR sebelum membuat pengesahan. Sebarang penyelewengan data dan maklumat yang diberikan boleh dikenakan tindakan tata tertib dan lain-lain tindakan.</p> </div>
2	Sokongan	<p>Permohonan sesebuah sekolah boleh disokong atau tidak oleh Pegawai Pendidikan Daerah (Pegawai PPD).</p> <p>Walau bagaimanapun, sekiranya PPD tidak menyokong permohonan sekolah berkenaan, pihak PPD masih lagi bertanggungjawab dan MESTI menghantar permohonan sekolah berkenaan dengan menekan butang HANTAR.</p>
3	Nama Pegawai PPD	Nama seperti di dalam kad pengenalan baharu.
4	No. KP	Nombor kad pengenalan baharu.
5	Jawatan dan Gred	Jawatan dan gred perkhidmatan.
6	No. Telefon (HP)	Nombor telefon selular (telefon bimbit) yang aktif.
7	E-mel	Alamat e-mel rasmi atau peribadi yang aktif.
8	Butang HANTAR	Untuk menghantar Permohonan EKMLTK ke JPN untuk diproses.

MAKLUMAT PENGESAHAN PENGARAH JPN

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN
1	Pengesahan dan Perakuan Pengarah JPN	<p>Perakuan oleh Pengarah JPN keatas kesahihan data dan maklumat yang diberikan di dalam Permohonan EKMLTK oleh semua sekolah dibawah JPN.</p> <p>Semua data dan Maklumat di dalam Modul Pengurusan Sekolah (MPS) dan Modul EKMLTK (Borang Permohonan) MESTI disemak dan diteliti oleh Pengarah JPN dibantu oleh Ketua Unit Maklum di JPN.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; text-align: center;"> <p>PERINGATAN</p> <p>Pengarah JPN dikehendaki menyemak SEMUA data dan maklumat yang diberikan di dalam Borang EKMLTK ini adalah BETUL dan BENAR sebelum membuat pengesahan. Sebarang penyelewengan data dan maklumat yang diberikan boleh dikenakan tindakan tata tertib dan lain-lain tindakan.</p> </div>
2	Nama Pengarah JPN	Nama seperti di dalam kad pengenalan baharu.
3	No. KP	Nombor kad pengenalan baharu.
4	Jawatan dan Gred	Jawatan dan gred perkhidmatan.
5	Butang HANTAR	<p>Untuk menghantar Permohonan EKM LTK ke KPM untuk analisis dan rekod.</p> <p>Selain daripada itu, dengan menekan butang HANTAR, Permohonan EKMLTK setiap sekolah akan dianalisis oleh aplikasi untuk cadangan kategori pedalaman EKMLTK berdasarkan data dan maklumat yang dibekalkan.</p> <p>Pihak JPN boleh mencetak Laporan yang mengandungi senarai sekolah dengan Kategori Pedalaman Cadangan EKMLTK untuk tindakan lanjut.</p>

SULIT

Disediakan oleh

Jawatankuasa Kerja Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (EKMLTK)
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Aras 1 – 4, Blok E8

Kompleks Kerajaan Parcel E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 Putrajaya

JANUARI 2017

